

## **TAJUK**

**PERBANDINGAN SENI TEMBIKAR ANTARA KAUM MELAYU,  
CINA DAN INDIA DI SEMENANJUNG MALAYSIA.**

**DISEDIAKAN OLEH :-**

**HALIZA ABD HAMID**

**92800836**

---

Tesis ini dikemukakan kepada  
Kajian Seni Lukis Dan Seni Reka,  
Institut Teknologi MARA,  
sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan  
Diploma Seni Lukis Dan Seni Reka.

---

Dekan

Kajian Seni Lukis Dan Seni Reka

Institut Teknologi MARA

40450 Shah Alam

SELANGOR DARUL EHSAN.

## PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG.

Alhamdulilah bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia rahmat dan pertolonganNya dapat saya menyiapkan tesis ini sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Diploma Seni Lukis Dan Seni Reka.

Di sini saya ingin merakamkan sebuah penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah-pensyarah yang telah banyak memberi tunjuk ajar , membantu , berbincang dan memberi pandangan serta nasihat dalam usaha untuk menyiapkan tesis ini. mereka adalah :-

PENASIHAT PERTAMA :-

PN. SITI ZALEHA BT SAAD.

PENASIHAT KEDUA :-

EN. KHALIL SULAIMAN.

PENSYARAH-PENSYARAH LAIN :-

EN. ABDUL RAHIM BIN JALIL

PN. JAHANI ALI.

## SINOPSIS

### TUJUAN/OBJEKTIF

Tujuan tesis ini dikemukakan adalah untuk mengenengahkan kesenian dan kehalusan tangan yang terdapat pada ketiga-tiga jenis tembikar ini. Tembikar-tembikar yang dimaksudkan itu ialah tembikar Melayu, Cina dan India. Ini adalah kerana masyarakat hari ini yang semakin melupakan kesenian tersebut dengan kedatangan pengaruh dari luar. Walaupun seni tembikar merupakan hasil tinggalan turun temurun bagi ketiga-tiga kaum ini namun ia banyak mempunyai persamaan dan perbezaan dari aspek rupabentuk, ragamhias , penggunaan dan sebagainya. Disamping itu penulisan tesis ini dapat mengenal pasti persamaan dan perbezaan bagi ketiga-tiga jenis tembikar tersebut. Kehalusan dan kesenian tembikar-tembikar tersebut adalah amat menarik jika diteliti dengan baik.

### KAEDAH

#### a) Secara primer

Kaedah pengumpulan maklumat secara primer dilakukan dengan membuat lawatan ke pusat-pusat jualan barang seramik,

ISI KANDUNGAN

HALAMAN

HALAMAN PEMERIKSA  
PENGHARGAAN  
PENDAHULUAN  
SINPOSIS  
JADUAL KANDUNGAN  
SENARAI SISIPAN  
SENARAI GAMBAR  
SENARAI GAMBARAJAH

<u>BAB 1.0 : PENGENALAN</u>	1
1.1 : DEFINISI SERAMIK	4
1.2 : SEJARAH SENI TEMBIKAR SECARA UMUM	5
1.3 : SEJARAH SENI TEMBIKAR DI SEmenanjung MALAYSIA.	7
1.4 : TEMBIKAR MELAYU	9
1.4.1 : SEJARAH DAN LATARBELAKANG	10
1.5 : TEMBIKAR CINA	12
1.5.1 : SEJARAH DAN LATARBELAKANG	13
1.6 : TEMBIKAR INDIA	15
1.6.1 : SEJARAH DAN LATARBELAKANG	16

## 1 . O : PENGENALAN

Tembikar merupakan hasil kesenian yang dapat dimasukkan ke dalam kelompok hasil budaya yang bersifat sejagat. Melalui bahan dan teknik pembuatan, ia tergolong sebagai hasil kraftangan yang wujud sejak manusia 'homo sapiens' mula menyedari tanah sebagai bahan asas untuk membentuk periuk belanga bagi keperluan memasak. Berbeza dengan seramik, tembikar lebih bersifat sederhana dari segi pengolahan tanah ataupun melalui rupabentuk serta teknik pembakaran dengan tanur dedah.

Seni tembikar bukan sahaja dicipta pada masa dahulu tetapi ia dipakai dan digunakan dalam kehidupan harian sesebuah masyarakat itu. Demikian jugalah yang berlaku di Malaysia. Kita mempunyai sejarah tradisi yang lama dalam pembuatan seni tembikar.

Pada dasarnya, cara pembikinan seni tembikar itu menggunakan kaedah yang sama bagi mana-mana kebudayaan. Bentuk-bentuk dibuat dengan menggunakan tangan atau acuan yang mudah dan dikeringkan dengan menggunakan panas matahari.